

Najib gagal isytihar 7 tuduhan cacat

> Pertuduhan
selamat, patuhi
Seksyen 165
Kanun Acara
Jenayah: Hakim

SRC

Oleh Farah Marshita
Abdul Patah
dan Siti Nurazlinee Azmi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur

Datuk Seri Najib Razak semalam gagal mendapatkan pengisytiharan bahawa tujuh tuduhan pecah amanah, salah guna kedudukan dan pengubahan wang haram yang dihadapinya adalah cacat.

Hakim Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, Mohd Nazlan Mohd Ghazali menolak permohonan itu selepas meneliti hujahan peguam Najib, Datuk Mohd Yusof Zainal Abiden selaku pemohon dan Timbalan Pendakwa Raya, Datuk V Sithambaram selaku responden, Jumaat lalu.

Mohd Nazlan dalam penghakimannya berkata, tiada kekaburan dalam semua pendakwaan yang dihadapi Najib, mahupun atas jawatan mana beliau dipertuduhkan sama ada sebagai Perdana Menteri, Menteri Kewangan atau Penasihat Emeritus SRC International.

Beliau berkata, pertuduhan yang dikenakan terhadap Najib adalah selamat dan mematuhi

Perbicaraan sudah berjalan sembilan hari dan soal balas sudah dijalankan oleh pihak pembelaan sendiri. Tidak boleh mengatakan bahawa Najib dikelirukan atau diprejudiskan"

*Mohd Nazlan Mohd Ghazali,
Hakim Mahkamah Tinggi
Kuala Lumpur*

Seksyen 165 Kanun Acara Jenayah.

Katanya, menjadi tugas pihak pendakwa bagi merangka pertuduhan dan untuk mahkamah ini menilainya.

"Perbicaraan sudah berjalan sembilan hari dan soal balas sudah dijalankan oleh pihak pembelaan sendiri. Tidak boleh mengatakan bahawa Najib dikelirukan atau diprejudiskan.

"Dakwaan bahawa pertuduhan yang dikenakan terhadap tertuduh sebagai cacat adalah tanpa asas katanya.



Najib di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, semalam.

Perbicaraan kes diteruskan

Sehubungan itu, perbicaraan kes SRC yang masuk hari ke-10 diteruskan dengan memanggil saksi pendakwaan ke-21, Pengurus Am-Bank Jalan Raja Chulan, R Uma Devi bagi menyambung keterangannya yang dihentikan Khamis lalu.

Dalam permohonan notis usul yang difailkan pada 3 April lalu, Najib memohon supaya tujuh pertuduhan yang dikenakan terhadapnya itu, digantung atau dibatalkan.

Beliau mengemukakan alasan bahawa pertuduhan berkenaan adalah cacat, selain ia adalah satu proses penyalahgunaan mahkamah.

Tuduhan berkenaan membabitkan dana SRC International Sdn Bhd berjumlah RM42 juta yang didakwa diselewengkan Najib.

Najib didakwa pada 4 Julai tahun lalu atas tiga tuduhan pecah amanah dan satu tuduhan salah guna kuasa membabitkan dana SRC International RM42 juta.

Pada 8 Ogos 2018 pula, beliau

dituduh di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur atas tiga tuduhan pengubahan wang haram membabitkan jumlah dan daripada dana sama.

Pendakwaan adalah mengikut Seksyen 23 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 yang boleh dihukum mengikut Seksyen 24 akta sama, memperuntukkan hukuman maksimum penjara 20 tahun dan denda yang boleh sampai lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000, atau mana-mana yang lebih tinggi.